

# PMFPEP UMS adakan Gotong-Royong Perdana

UB 17-10-2019 15

**KOTA KINABALU:** Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah melalui Persatuan Mahasiswa Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (PMFPEP) menjalankan Program Gotong-Royong Perdana FPEP 2019 baru-baru ini.

Program ini diketuai oleh wakil dari PMFPEP sendiri Maslina Saiba yang juga Exco Sukarelawan dan Kemasyarakatan PMFPEP sesi 2019/2020.

Seramai 127 mahasiswa mahasiswi dari FPEP termasuklah pengurusan tertinggi fakulti iaitu Dekan, Timbalan Dekan HEPP dan

persyarah serta kakitangan pentadbiran FPEP terlibat dalam program ini.

Gotong-Royong Perdana FPEP 2019 ini diadakan bukan sahaja ingin melahirkan lebih banyak mahasiswa mahasiswi yang bergiat aktif dan mampu melakukan kerja-kerja kesukarelawanan namun ia juga bertujuan untuk melahirkan mahasiswa/i yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Melalui program ini, ia dapat memberi kesedaran kepada para mahasiswa mahasiswi mengenai kepentingan menjaga alam sekitar sekali gus dapat mewujudkan suasana yang nyaman

dan bersih untuk kesejahteraan semua yang berada di fakulti.

Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS iaitu Profesor Madya Dr. Raman Noordin, ketika merasmikan majlis itu berkata FPEP adalah rumah kita sendiri dan menjadi tanggungjawab mahasiswa mahasiswi FPEP untuk menjaga kebersihan di fakulti.

Beliau juga berkata, FPEP juga dalam proses mewujudkan tapak untuk mahasiswa mahasiswi FPEP berniaga bagi menjana pendapatan dan dalam masa yang sama dapat memeriahkan suasana di fakulti kelak.



**ALBUM:** Sesi bergambar peserta Gotong-Royong Perdana FPEP 2019 bersama-sama dengan Dekan FPEP.